

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	16 October 2015

Inisiatif ekonomi digital diperkasa

BH - 16/10/2015

Putrajaya: Pengukuhan ketara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam indastpi-ekonomi digital kepada 17 peratus tahun lalu membuktikan Malaysia berada di landasan tepat merngu negara msgu pada 2020, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, inisiatif ekonomi digital Malaysia juga mula memberi manfaat kepada rakyat serta organisasi dan antara kumpulan terbesar yang menikmatinya ialah rakyat dalam golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

"Ekonomi digital negara ini sedang menuju ke arah yang betul, mengukuhkan sumbangan KDNK dari 16.38 peratus pada 2013 kepada 17 peratus tahun lalu, iaitu sasaran awal yang ditetapkan untuk tahun 2020.

"Asas kepada ekonomi digital negara adalah MSC Malaysia dan sejak penubuhannya pada 1996, sudah menyumbang lebih RM295 bilion dalam pendapatan kepada ekonomi Malaysia, RM283 bilion nilai pelaburan dan mewujudkan lebih 147,000 pekerjaan.

MSC Malaysia juga terus menarik pelaburan syarikat bertaraf dunia dan canggih da-



Najib **mempengerusikan mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Malaysia** di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya sambil diperhatikan Ahmad Zahid, semalam. (FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

lam pelbagai industri," katanya pada perasmian mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Malaysia Ke-27, di sini, semalam, yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Peneraju ekonomi digital Najib yakin dengan pencapaian

itu dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) akan terus memainkan peranan penting sebagai pemain utama sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta peneraju dalam bidang ekonomi digital.

Perdana Menteri berkata, beliau turut dimaklumkan MDeC akan membawa konsep

pendapatan digital untuk rakyat ke tahap lebih tinggi dengan pengenalan eUsahawan.

"Seiring usaha meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat ialah usaha bersepadu untuk memperkasa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui cara digital, khususnya e-dagang," katanya.